

## PEMBANGUNAN MINDA REMAJA PERSPEKTIF ‘ULWAN: TINJAUAN TERHADAP AMALAN KELUARGA DI PUTRAJAYA *‘Ulwan Perspective on Adolescent Mind Development: An Overview of Family Practice in Putrajaya*

<sup>1\*</sup>IZZAH NUR AIDA BT ZUR RAFFAR

<sup>2</sup>ZURIANI IBHRIM

<sup>3</sup>MOHAMMAD FAHMI ABDUL HAMID

<sup>1&3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Melaka, 78000 Melaka.

<sup>2</sup>Kolej Universiti Poly-Tech MARA, 56100 Kuala Lumpur.

Corresponding author: <sup>1</sup>izzahnur@uitm.edu.my

<sup>2</sup>zuriani@gapps.kptm.edu.my

<sup>3</sup>fahmihamid@uitm.edu.my

Dihantar: 1 Oktober 2021, Penambahbaikan: 27 Mei 2022, Diterima: 18 Jun 2022, Terbit: 28 Jun 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.vi.2404>

**Abstrak** Remaja adalah khazanah dan tonggak kekuatan negara. Namun, segelintir remaja Islam kini terperangkap dengan tingkah laku yang tidak baik, budaya pergaulan bebas antara lelaki dan wanita, gaya hidup dan ideologi yang jauh dari agama, serta gejala sosial yang akan membina sakan generasi. Kesilapan dalam cara berfikir dan gaya hidup remaja yang terpesong ini mesti diperbetulkan dengan membangunkan dan memperkuuh nilai intelek mereka sendiri. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah pengamalan keluarga di Putrajaya dalam pembangunan minda anak remaja berteraskan perspektif ‘Ulwan. Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan menggunakan alat soal selidik untuk meninjau 384 responden yang dipilih dalam kalangan ibu bapa beragama Islam yang mempunyai remaja di Putrajaya. Data dianalisis menggunakan SPSS dengan teknik statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan ibu bapa menghantar anak ke sekolah agama untuk mendalamai ilmu agama ( $\text{min} = 3.44$ ), mengenal pasti bakat dan potensi anak ( $\text{min} = 3.44$ ), dan mengenal pasti kecenderungan serta minat anak ( $\text{min} = 3.41$ ). Implikasi daripada kajian ini dapat membantu ibu bapa memantapkan ilmu keibubapaan dan seterusnya dapat diterapkan kepada remaja di rumah. Penyelidikan ini turut menyumbang kepada pihak bertanggungjawab agar lebih progresif menguruskan pembangunan belia dan keluarga di Malaysia.

**Kata kunci:** Remaja, pembangunan minda, ‘Ulwan, keluarga, Putrajaya.

**Abstract** Adolescents are a valuable asset and pillar of strength for a country. However, a handful of Muslim adolescents now practise behaviour based on lust, free association between men and women, lifestyle and ideology far removed from religion, and social symptoms that would destroy generations. The mistakes in the way of thinking and lifestyle of these wayward young people must be corrected by developing and strengthening their personal intellectual values. This study was aimed at analysing the family practice methods in Putrajaya in terms of adolescent mind development based on the perspective of 'Ulwan. This study was designed as a survey using a questionnaire instrument with 384 respondents comprised of purposefully selected Muslim parents with adolescents in Putrajaya. Data was analysed with descriptive statistical techniques using SPSS. Findings of the study showed that the majority of parents sent their children to religious school to further their religious knowledge ( $mean = 3.44$ ), identify the child's talents and potential ( $mean = 3.44$ ), and ascertain the child's inclinations and interests ( $mean = 3.41$ ). The implications of this study may help parents strengthen their parenting knowledge and skills, and subsequently inculcate this among the adolescents in the family. This study may also contribute knowledge and understanding to enable those responsible in managing adolescent and family affairs in Malaysia to be more progressive and effective.

**Keywords:** Adolescents, mind development, 'Ulwan, family, Putrajaya.

## PENDAHULUAN

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun mengambil contoh negara maju yang lain seperti Jepun dan England dengan membina masyarakat yang berpendidikan, terutamanya tumpuan diberikan terhadap golongan remaja. Remaja merupakan aset negara yang penting dan mempunyai potensi besar untuk membawa negara ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang dengan keupayaan dari sudut mental selain memiliki keadaan fizikal yang baik. Mereka juga mampu melakukan perubahan yang dapat meningkatkan imej negara di mata dunia dengan menghasilkan aura baharu, sama ada dalam bidang politik, ekonomi, hal ehwal kemasyarakatan, sukan, pendidikan, teknologi dan sebagainya. Oleh

yang demikian, pelbagai harapan diletakkan kepada remaja agar menjadi individu berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara. Hal ini demikian kerana, harapan Malaysia untuk menjadi negara maju ditentukan oleh generasi remaja masa kini yang seimbang dari aspek intelek, spiritual, emosi dan jasmani seperti digariskan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Sehubungan dengan itu, golongan remaja perlu dibentuk dengan baik agar potensi diri mereka dapat direalisasikan demi kemaslahatan masyarakat dan negara Malaysia.

Walau bagaimanapun, hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju tentunya menjadi rumit sekiranya remaja negara ini terjebak dengan permasalahan akhlak yang serius. Perkembangan gejala sosial ini semakin meningkat dari hari ke hari dengan pelbagai salah laku yang dilakukan oleh remaja sehingga kes yang boleh mengancam nyawa orang lain seperti ponteng sekolah, merokok, menagih dadah, buli, rogol, pelacuran, ragut, mencuri malah kes pembunuhan (Salasiah *et al.*, 2020; Nurul Ain & Azizi, 2012). Sebagai contoh, kes kematian pelajar, Zulfarhan Osman Zulkarnain yang telah dianiaya, dibuli sehingga mengalami kecederaan teruk akibat dipukul rakan-rakan dan menyebabkan kematianya telah membuka mata pelbagai pihak mengenai isu buli dan dera dalam kalangan remaja di negara ini semakin kritikal dan membimbangkan. Selain itu, penontonan filem lucu dan pronografi ketika musim pandemik COVID-19 juga telah mencatatkan angka mendadak dan menggusarkan, di mana Malaysia adalah negara pertama dalam kalangan negara Asia mencatatkan peratusan tertinggi di dunia. Di samping itu, jumlah kes pembuangan bayi cukup menggerunkan sehingga langkah pencegahan perlu dilakukan sejak usia remaja seperti membataskan pergaulan antara lelaki dan wanita bukan muhrim. Tambahan pula, remaja juga didapati terlibat dengan gejala keceleruan jantina apabila cenderung menyerupai watak dan penampilan berlainan dengan jantina sebenar sehingga dikuatir bakal mengundang kepada budaya lebih parah seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

Jelas, kes-kes yang telah dibincangkan membuktikan segelintir remaja kini mengalami keruntuhan akhlak, di mana kehidupan mereka tidak berasaskan kepada ajaran Islam, bahkan mengikut nafsu keseronokan semata hingga kehilangan rasa bangga terhadap tamadun, para ilmuwan,

dan keagungan sejarah umat Islam. Akhirnya, lahir generasi remaja yang lalai memikirkan keadaan dan kepentingan umat Islam, tidak ambil peduli apabila Islam dicabar dan dipermainkan. Justeru, kesilapan cara fikir dan haluan hidup remaja yang terpesong dari tuntutan Islam ini haruslah dibetulkan dengan cara membangun dan memperkasakan minda kerana golongan remaja bakal menerajui masa hadapan bangsa, agama, dan negara kelak. Kerangka teoretikal kajian menggunakan teori ‘Ulwan (2015) dalam bukunya bertajuk *Tarbiyah al-Aulad* mengemukakan dengan begitu terperinci berkenaan model pendidikan anak-anak merangkumi tanggungjawab pendidikan iman, akhlak, jasmani, mental, psikologi, sosial dan seks di mana kesemuanya menjadi panduan penting ibu bapa selaku pendidik pertama anak-anak dalam keluarga. Sabda Nabi SAW: “Setiap bayi yang dilahirkan adalah fitrah, maka kedua ibu bapanya yang berperanan menjadikan bayi membesar sama ada menjadi seorang ‘Yahudi’, ‘Nasrani’ atau ‘Majusi’” (Sahih al-Bukhari). Oleh itu, pendidikan dan pembangunan minda perlu dilakukan agar remaja mampu berfikiran matang, memahami, membuat ulasan, mendapatkan ilmu pengetahuan dan tahu membezakan antara perkara bermanfaat atau mudarat.

Kemahiran pembangunan minda remaja dapat dilaksanakan oleh ibu bapa dengan cara membiasakan mereka mencari ilmu, memahami perkara-perkara yang bermanfaat seperti syariat, ilmu sains moden, kesedaran sivil dan ketamadunan, belajar mengadili perkara dengan seimbang, membentuk kognitif matang dan benar serta mengembangkan kemampuan akal dengan bakat dan potensi sedia ada (al-Najar, 2004; Khalid Abdurrahman, 2006). Ibn Sina menyarankan agar ibu bapa berusaha memahami dan menjaga minat, bakat, kemampuan anak dalam usaha membina masa depan anak seiring dengan matlamat falsafah pendidikan Islam bagi melahirkan Muslim berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh dan berakhhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah (Abdul Halim, 1990; Hasan Langgulung, 1991). Sehubungan dengan itu, anak-anak remaja perlu dipupuk berkenaan aspek pemikiran beragama sejak kecil tentang keistimewaan Islam di mana Islam adalah agama rasmi negara, agama kekal dan sesuai pada setiap masa dan tempat, syumul, menerima pembaharuan dan berterusan. Seterusnya, mendedahkan kepada anak tentang kemuliaan, kegemilangan sejarah dan kebudayaan Islam dan

ketamaduhan yang dicapai kini kerana melaksanakan sistem-sistem al-Quran dalam kehidupan. Selain itu, penerangan juga diberikan mengenai agenda musuh-musuh Islam untuk melunturkan semangat jihad dalam kalangan anak muda Islam menerusi ancaman pemikiran sekularisme, liberalisme, ekstremisme, pluralisme dan pemikiran tidak beragama atau ateis yang banyak tersebar melalui media siber dan teknologi ('Ulwan, 2015; Muhammad Said, Mursi, 2001). Justeru, kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan bagaimakah pengamalan keluarga dalam membangunkan minda anak remaja di Putrajaya? Maka, objektif kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah pengamalan keluarga di Putrajaya dalam membangunkan minda anak remaja.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen borang soal selidik terhadap 384 orang responden yang dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*) dalam kalangan ibu bapa yang beragama Islam, mempunyai anak remaja yang berumur antara 10 hingga 19 tahun dan menetap di Putrajaya. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini bagi pengumpulan data di lokasi ialah borang soal selidik. Kaedah analisis dokumen turut digunakan terhadap jurnal, tesis, buku, akhbar dan kertas prosiding bagi membolehkan pengkaji mendapatkan input serta data sokongan berkaitan kajian. Bagi borang soal selidik, secara keseluruhannya mengandungi sembilan bahagian utama, namun artikel ini hanya akan menghuraikan satu bahagian sahaja melibatkan Bahagian G.

Instrumen kajian ini telah mendapat kesahan pakar dan diuji kebolehpercayaan. Kesahan kaji selidik telah dinilai oleh Profesor Madya Dr. Ahmad Munawar Ismail daripada Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selaku pakar dalam bidang penyelidikan dan Dr. Jamiah Manap daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM selaku pakar bidang keibubapaan dan kekeluargaan. Kebolehpercayaan instrumen pula diperoleh menerusi kajian rintis bagi menguji ketekalan kaji selidik dengan nilai pekali indeks *Cronbach's Alpha* sebelum menjalankan kajian sebenar. Johanson dan Brooks (2010) mencadangkan bilangan sampel adalah seramai 30

hingga 50 orang sahaja. Oleh itu, pengkaji telah melaksanakan kajian rintis terhadap 30 peserta ibu dan bapa yang mengikuti program kekeluargaan anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen soal selidik kajian ini. Kemudian, hasil kajian rintis dianalisis menggunakan alat ukuran ujian kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* (a) dan menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan berada pada tahap yang tinggi mencapai 0.931. Oleh itu, nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik dalam kajian ini menunjukkan instrumen berada dalam kedudukan kebolehpercayaan yang tinggi, efektif dan konsisten serta boleh digunakan untuk kajian sebenar (Sekaran, 2003). Pemilihan jawapan responden dalam kaji selidik diukur menggunakan skala jenis Likert dengan skor ‘1’ adalah sangat tidak setuju (STS), ‘2’ tidak setuju (TS), ‘3’ Setuju (S) dan ‘4’ sangat setuju (SS). Seterusnya, data soal selidik dianalisis dengan menggunakan Program *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) melibatkan kaedah statistik deskriptif menerusi kekerapan (F), peratusan (%) serta nilai min. Penggunaan kaedah tersebut bersesuaian untuk menjawab soalan dan objektif kajian yang disasarkan.

## DAPATAN KAJIAN

Antara tujuan kajian ini dilakukan bagi menganalisis kaedah pengamalan keluarga di Putrajaya dalam membangunkan minda anak remaja. Jadual 1 menunjukkan 6 item soalan yang dibentuk berdasarkan tanggungjawab pendidikan keibubapaan terhadap aspek minda menurut ‘Ulwan (2015). Jika dilihat secara keseluruhan, responden ibu bapa membangunkan perkembangan minda anak remaja mereka dengan baik berikutan kesemua item mencatatkan tahap interpretasi nilai min yang tinggi, iaitu antara 3.01 hingga 4.00 (Fauziah *et al.*, 2014). Hasil kajian menunjukkan item mendapat nilai min paling tinggi ialah “Saya menghantar anak saya ke sekolah agama untuk mendalami pengetahuan agama” (min=3.44), diikuti item “Saya mengenal pasti bakat dan potensi anak saya” (min=3.44), “Saya mengenal pasti kecenderungan dan minat anak saya” (min=3.41), “Saya menghantar anak saya mengikuti kem motivasi dan majlis ilmu” (min=3.35) dan “Saya mendedahkan anak saya tentang kegemilangan sejarah Islam” (min=3.33). Item “Saya berbincang tentang isu-isu semasa dengan anak saya” pula mendapat nilai min terendah (min=3.28).

**Jadual 1**  
*Kemahiran keibubapaan menerusi aspek minda*

		Peratus (%) & Kekerapan (N)					
	Penyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Interpretasi Nilai Min
1	Saya menghantar anak saya ke sekolah agama untuk mendalami pengetahuan agama	0.3% (1)	2.6% (10)	50% (192)	47.1% (181)	3.44	Tinggi
2	Saya mengenal pasti bakat dan potensi anak saya	0% (0)	1.6% (6)	52.9% (203)	45.6% (175)	3.44	Tinggi
3	Saya mengenal pasti kecenderungan dan minat anak saya	0% (0)	1% (4)	56.8% (218)	42.2% (162)	3.41	Tinggi
4	Saya menghantar anak saya mengikuti kem motivasi dan majlis ilmu	0.3% (1)	4.2% (16)	55.7% (214)	39.8% (153)	3.35	Tinggi
5	Saya mendedahkan anak saya tentang kegemilangan sejarah Islam	0% (0)	3.4% (13)	60.7% (233)	35.9% (138)	3.33	Tinggi
6	Saya berbincang tentang isu-isu semasa dengan anak saya	0% (0)	5.7% (22)	60.2% (231)	34.1% (131)	3.28	Tinggi

Sumber: Soal selidik 2019

Antara kaedah utama yang digunakan oleh responden dalam kalangan ibu bapa untuk mempertingkatkan keupayaan minda anak remaja mereka adalah dengan menghantar anak ke sekolah agama

untuk mendalami pengetahuan agama ( $\text{min}=3.44$ ) mencapai 97.1% (373 orang). Meskipun demikian, didapati 2.9% (11 orang) responden dalam kalangan ibu bapa tidak menggunakan cara ini terhadap anak mereka. Menurut ‘Ulwan (2015), ibu bapa perlu mendampingkan anak dengan guru pembimbing yang ikhlas, mempunyai kesedaran dan kefahaman tentang agama, mempunyai daya juang dan jihad untuk agama, mematuhi batasannya dan tidak takut kepada celaan dalam membangkitkan kesedaran beragama dalam pemikiran anak remaja. Hal ini selaras dengan tulisan Suwaid (2006) yang mencadangkan agar ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah agama demi memberikan pengetahuan agama yang lebih mendalam kepada anak-anak khususnya berkaitan dengan ilmu fardu ain dan pendidikan Islam yang betul. Ibn Khaldun (2002) juga sangat menekankan kepentingan membekalkan ilmu agama, akhlak dan sosial dalam memperluaskan idea dan fikrah anak. Oleh yang demikian, jelaslah ibu bapa memainkan peranan cukup penting dalam menghidupkan suasana beragama di sekeliling anak-anak sejak kecil dengan membangunkan program dan aktiviti yang mampu membantu menjana kecerdasan akal fikiran anak.

Analisis kajian juga mendapati responden dalam kalangan ibu bapa mengenal pasti bakat dan potensi anak mereka ( $\text{min}=3.44$ ) mencapai 98.5% (378 orang) bagi mengembangkan keupayaan minda anak remaja mereka. Hal ini selari dengan pandangan Ibn Sina yang menyarankan agar ibu bapa berusaha memahami dan menjaga minat, bakat, kemampuan anak-anak mereka dalam usaha membina masa depan yang berlandaskan prinsip falsafah pendidikan Islam (Hasan Langgulung, 1991). Pendapat ini turut disokong Aishah *et al.* (2007) yang menjelaskan ibu bapa akan mula mengenal pasti potensi dan bakat yang ada dalam diri anak-anak dari semasa ke semasa ketika mereka semakin meningkat dewasa di mana akal anak-anak mula matang dan kecerdikan mereka terserlah. Dengan itu, maka mudah bagi ibu bapa mengembangkan dan mempertingkatkannya dengan kemahiran lain. Abdul Aziz (2013) dan Razali (2010) pula menyebutkan antara hak-hak anak adalah mengikuti perkembangan akal dan kecerdasan mereka secara berperingkat dengan tidak memberikan perkara yang berat dan perlu dimulakan dengan hal yang sesuai dengan kekuatan fikiran

mereka. Hal ini disebabkan setiap anak mempunyai kadar perkembangan dan tahap kemampuan yang berbeza (Mohd Fadzilah, 2008; Syed Hassan, 2007). Oleh itu, ibu bapa perlu menerima hakikat bahawa apa sahaja perkembangan dan potensi yang ditunjukkan oleh anak adalah bersesuaian dengan umur dan peringkat proses pertumbuhan mereka.

Di samping itu, responden dalam kalangan ibu bapa turut mendedahkan tentang kegemilangan sejarah Islam kepada anak-anak mereka ( $\text{min}=3.33$ ) mencapai 96.6% (371 orang). Walau bagaimanapun, didapati 3.4% (13 orang) responden dalam kalangan ibu bapa tidak memberikan pendedahan berkaitan hal ini kepada anak-anak mereka. Dapatkan ini bertentangan dengan pandangan ‘Ulwan (2015) dan Abd. Rahman (2014) yang menerangkan bahawa ibu bapa perlu memberi pendedahan kepada anak remaja tentang kegemilangan tamadun Islam yang suatu ketika dahulu pernah menjadi sumber inspirasi dan kekuatan dunia. Semasa menyingkap tentang keistimewaan Islam, ibu bapa boleh menerapkan nilai berterusan dalam pemikiran anak-anak dengan hakikat Islam yang meliputi prinsip dan hukum-hakam yang kekal dan berterusan (‘Ulwan, 2015). Selain itu, ibu bapa juga boleh melatih anak-anak berfikir berpandukan kandungan al-Quran yang mempunyai ribuan ayat mengenai tanda-tanda kebesaran Allah SWT, hal-hal ghaib dan perkara-perkara asas tentang kehidupan serta terakam juga kisah-kisah para nabi dan rasul, kisah-kisah manusia pada zaman terdahulu yang mengandungi ibrah dan teladan yang memberi pedoman untuk kehidupan hari ini. Hal ini disebabkan kisah dan sejarah bersifat berulang-ulang, perkara yang berlaku pada masa lalu akan berulang kembali pada hari ini dan masa depan. Pedoman al-Quran menerusi kisah-kisah adalah untuk mengingatkan manusia khususnya remaja agar hal-hal yang membawa kepada keburukan dan musibah jangan diulangi lagi seperti kisah kaum Nabi Lut, Nabi Musa dan Firaun, Kaum ‘Ad dan Thamud. Contohnya, kisah kaum Nabi Lut yang enggan kembali kepada kehidupan fitrah diulang hari ini oleh golongan *gay* dan *lesbian* (Sidek, 2010). Oleh itu, bimbingan teknik berfikir yang dipandu oleh nilai-nilai al-Quran ini boleh membantu remaja mempunyai kemahiran berfikir yang baik.

Selain itu, analisis kajian juga mendapati responden dalam kalangan ibu bapa berbincang tentang isu-isu semasa dengan anak ( $\text{min}=3.28$ ) mencapai 94.3% (362 orang). Meskipun item ini mencatatkan nilai min terendah berbanding item-item lain, rekod peratusan setuju dan sangat setuju amat tinggi. Hal ini menunjukkan ibu bapa mengamalkan kaedah berbincang bersama dengan anak remaja mengenai hal-hal semasa yang berlaku. Hal ini selaras dengan pendapat ‘Ulwan (2015) bahawa anak-anak perlu dijelaskan mengenai isu semasa termasuklah agenda-agenda musuh-musuh Islam seperti agenda Zionis dan Kristian yang penuh tipu daya dan bertindak zalim, bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: “*Orang- orang yahudi dan nasrani tidak akan senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka*” (QS al-Baqarah, 2:120). Menurut ‘Ulwan (2015) dan Muhammad Said Mursi (2001), agenda musuh-musuh Islam ini bermatlamat menghapuskan akidah Islam di atas muka bumi, menanamkan benih ateisme dalam hati generasi Muslim, menyebarkan keruntuhan akhlak dalam keluarga dan masyarakat Islam, melunturkan semangat membela Islam dan berjihad dalam kalangan anak muda, Islam bahkan mengeksplorasi kekayaan dan hasil bumi negara Islam, melenyapkan syiar Islam dari semua negara yang menjadikan Islam sebagai agama mereka. Di samping itu, remaja juga wajar diberikan penerangan yang jelas tentang isu-isu semasa berkaitan ancaman pemikiran merbahaya masa kini seperti sekularisme, liberalisme, ekstremisme, pluralisme dan sebagainya termasuklah pemikiran tidak beragama atau ateis.

## KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati responden dalam kalangan ibu bapa di Putrajaya membangunkan minda anak remaja mereka dengan cara mengenal pasti kecenderungan dan minat anak, mengenal pasti bakat dan potensi anak, berbincang tentang isu-isu semasa dengan anak, mendedahkan anak tentang kegemilangan sejarah Islam, menghantar anak ke sekolah agama untuk mendalami pengetahuan agama serta menghantar anak mengikuti kem motivasi dan majlis ilmu. Hasil kajian juga mendapati antara kaedah utama ibu bapa mempertingkatkan keupayaan minda anak remaja adalah dengan menghantar anak ke sekolah agama untuk

mendalami pengetahuan agama. Implikasi kajian ini dapat menambah dan memantapkan disiplin ilmu berkaitan dengan fungsi, peranan dan tanggungjawab ibu bapa daripada perspektif Islam supaya data, maklumat dan cadangan menerusi kajian ini dapat membantu golongan ibu bapa memperoleh model perspektif Islam bagi memperkasakan peranan keibubapaan dalam mendidik dan menangani anak remaja mereka dalam keluarga. Seterusnya, dari segi literatur, ia dapat memperbanyakkan kuantiti literatur berkaitan keibubapaan, remaja, rumah tangga dan kekeluargaan agar dapat digunakan untuk rujukan ahli akademik, pelajar dan masyarakat.

Kajian ini juga dapat memberi sumbangan ilmu kepada pembinaan indikator kemahiran keibubapaan dalam pendidikan dan pembangunan anak remaja dapat dijadikan panduan pembinaan dasar pembangunan kebijakan keluarga dan remaja Islam. Malah, program dan aktiviti keibubapaan dan kekeluargaan juga boleh disusun menerusi polisi badan-badan agensi yang berkaitan demi pembangunan diri ibu bapa dan modal insan anak remaja yang cemerlang.

## RUJUKAN

- Abd. Rahman Rohaily. (2014). *Remaja idaman syurga*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Ismail. (2013). *Indahnya akhlak warisan Rasulullah*. Kuala Lumpur: Power Press & Design.
- Abdul Halim Abdul Jalil. (1990). *Masalah perkembangan dan tingkah laku kanak-kanak. Suatupanduan untuk ibu bapa*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Aishah Adam, Alini Marzuki, Musalmah Mazlan, Nafeeza Mohd Ismail, Noraini Abbas, Noraziah Md. Zin, Norhani Mohidin, & Waheeda Banu Abdul Salam. (2007). *Membentuk keperibadian cemerlang: Panduan untuk ibu bapa*. Bangi: Kuala Lumpur. Kelab Wanita, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail al-Jafiyyi. (1999). *Sahih Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam.
- al-Najar, Amin al-Najar. (2004). *Ilmu Jiwa dalam Tasawwuf*. (Terj. Hassan Abrori). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Fadzilah Kamsah. (2008). *21 Kaedah mendidik anak cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Islamika.

- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Salina Nen, Norulhuda Sarnon & Nor Jana Saim. (2014). Pengguna dadah wanita di Malaysia: Pengalaman penagihan dan hubungan kekeluargaan. *Jurnal Teknologi*, 1 (67).
- Hasan Langgulung. (1991). Integrated personality and integrated education: A psycho-spiritual approach. *Muslim Education Quarterly*, 8 (4), 32-43.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. (2002). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johanson, G.A. & Brooks, G.P. (2010). Initial scale development: Sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70(3), 394-400.
- Khalid Abdurrahman Al- ‘Akk. (2006). *Tarbiyah al-Abna’ wa al-Banat fi Dhau’ al-Quran wa al-Sunah*. (Terj. H. Muhammad Halabi Hamdi). Jogjakarta: Ad-Dawa’.
- Muhammad Faisal Ashaari, Rosmawati Mohamad Rasit & Hasanah Abd Khafidz. (2016). *Mengenali manusia dari perspektif al-Quran*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Said Mursi. (2001). *Fan Tarbiyah al-Aulad fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Tauzi’ wa Al-Nasyr al-Islamiyah.
- Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya. (2012). Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5, 30-57.
- Razali Saaran. (2010). *Hebatnya cara Rasulullah mendidik*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.
- Salasiah Hanin Hamjah, Izzah Nur Aida Zur Raffar, Zaizul Ab. Rahman & Rosmawati Mohamad Rasit. (2020). Applying spiritual aspect of parenting skills to adolescents in the family. *Jurnal al-Afskar*, 22 (2), 313-346.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill building approach*. Singapore: JohnWiley & Sons.
- Sidek Baba. (2010). *Keluarga sakinah*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Suwaid, Muhammad Nur bin Abdul Hafiz. (2006). *Manhaj al-Tarbiyyah wa al-Nabawiyyah li al-Tifli ma ’a Namāzuj Taṭbiqiyah min Hayati al-Salaf al-Salih wa Aqwāl li al-Ulama’ al-ā’lammī*. Makkah al-Mukarramah: Dār al-Tayyibah.
- Syed Hassan Syed Ahmad Al-Mashoor. (2007). Cabaran keibubapaan, anak remaja dan dewasa. Dlm. Azrina Sobian (pnyt.). *Keluarga Islam, kemahiran keibubapaan dan cabaran semasa*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- ‘Ulwan, Abdullah Nasih. (2015). *Tarbiyah al-Aulad Fil Islam (Mencorak Peribadi Awal Anak)*. Selangor: PTS Publishing House Sdn Bhd.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa  
(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)

**IZZAH NURAIDA BT ZUR RAFFAR** (Ph.D) memperoleh Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam (Dakwah dan Kepimpinan) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang pengkhususan beliau adalah psikologi perkembangan dan keluarga Islam. Sekarang beliau merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.

**ZURIANI IBHRIM** kini berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Pendidikan Kemanusiaan dan Sastera di Kolej Universiti Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur. Beliau kini sedang menyambung pengajian Ph.D tahun kedua di Institut Islam Hadhari UKM secara sepenuh masa.

**MOHAMMAD FAHMI ABDUL HAMID** (Ph.D) mendapat pendidikan awal di Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan, sebelum melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2012. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Usuluddin (Hadis) pada tahun 2015 dan Ijazah Doktor Falsafah (Hadis) dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), pada tahun 2019. Pengkhususan pengajian beliau dalam bidang hadis dan beliau sangat meminati serta cenderung terhadap pengkajian dalam bidang tarekat dan tasawuf. Sekarang beliau merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.

